

15 AUG 1999

Mahathir-Tiba

MAHATHIR MULAKAN LAWATAN DI TIMUR JAUH RUSIA

Oleh: Azman Ujang

KHABAROVSK (Rusia), 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam ini untuk memulakan lawatan tiga hari ke wilayah Timur Jauh Rusia ini.

Dr Mahathir, yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiba dengan jet khas kerajaan Malaysia, Canadair Special Edition, pada pukul 10 malam waktu tempatan (tiga jam lebih awal daripada waktu Malaysia), dari wilayah Wuhan di China, di mana pesawat itu membuat perhentian teknikal selepas penerbangan dari Kuala Lumpur.

Beberapa minit sebelum itu, sebuah lagi jet kerajaan Malaysia, Falcon 900, mendarat dengan membawa anggota rombongan perdana menteri termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Ketiba perdana menteri dan rombongannya disambut oleh Ketua Pentadbiran Rantau Khabarovsk Victor Ishaev, para pegawai kanan dan Duta Malaysia ke Rusia Datuk Yahya Baba.

Turut hadir ialah kira-kira 30 eksekutif kanan Rimbunan Hijau Sdn Bhd, syarikat balak Malaysia yang mempunyai konsesi pembalakan di rantau ini, diketuai oleh pengarah urusannya Tan Sri Tiong Hiew King.

Sejurus selepas ketibaannya, perdana menteri memeriksa perbarisan kehormat tentera dan diperkenalkan kepada para pembesar tempatan oleh Ishaev. Dr Mahathir kemudian memperkenalkan pula anggota rombongannya kepada Ishaev.

Pagi esok, Dr Mahathir dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan Ishaev sebelum berlepas ke Komsomolsk-na-Amur, 400 kilometer dari sini, untuk melakukan lawatan ke sebuah kilang pengeluaran pesawat.

Kilang itu mengeluarkan pesawat tentera dan komersil termasuk jet pejuang MIG, yang turut digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Beliau akan kembali ke Khabarovsk pada tengah hari untuk melakukan lawatan ke pejabat Rimbunan Hijau, satu-satunya pelabur Malaysia di Rusia.

Ini disusuli oleh persidangan berita perdana menteri khusus untuk para wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatannya di sini.

Ishaev juga akan meraikan Dr Mahathir dan anggota rombongannya dalam satu majlis jamuan.

Perdana menteri juga dijadualkan melawat tempat-tempat menarik semasa lawatannya itu dan sebelum berlepas ke Beijing pada Rabu, beliau akan mengadakan persidangan berita bersama dengan Ishaev.

Selain hubungan udara dan lautan, Khabarovsk dihubungkan dengan bahagian lain Rusia menerusi landasan kereta api Trans-Siberia, iaitu yang terpanjang sekali di dunia.

Dengan rentangan sepanjang 10,000 kilometer, perjalanan kereta api dari sini ke Moscow mengambil masa tujuh hari.

Dr Mahathir akan berada di China selama dua hari dan lawatan beliau adalah bersempena ulangtahun ke-25 jalinan hubungan diplomatik antara China dan Malaysia.

Dari China, Dr Mahathir akan meneruskan lawatannya ke Rusia dengan melawat Buryatia, republik autonomi di wilayah Selatan Tengah Siberia di sepanjang pantai timur Tasik Baikal, yang merupakan tasik paling dalam di dunia dengan ukuran kedalamannya lebih satu kilometer dan merupakan dua pertiga daripada saiz Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA

AU NAK